



Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PEMULIHAN BEKALAN AIR TAHAP 1 SEDANG BERLANGSUNG, PBAPP BERUSAHA SELESAIKAN KERJA RESPON KECEMASAN SUNGAI PERAI DENGAN PANTAS

PULAU PINANG, Khamis, 11.1.2024: Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengarahkan PBAPP menumpukan semua sumber untuk menyiapkan kerja-kerja pembaikan saluran paip kecemasan di Sungai Perai hari ini.

Kejayaan pengapitan lubang 1.35m pada saluran paip bawah air di Sungai Perai adalah perlu bagi PBAPP untuk memulakan Tahap 2 pelan pemulihan bekalan air Januari 2024 seperti yang dijadualkan.

Di bawah Tahap 2, PBAPP menyasarkan untuk menormalkan bekalan air untuk 495,065 pengguna (84% daripada 590,000 pengguna terjejas) di Seberang Perai dan di Pulau Pinang menjelang 6.00 pagi pada hari Sabtu, 13.1.2024.

PBAPP bekerja semalam untuk menyelesaikan isu teknikal di Sungai Perai. Kita tahu bahawa walaupun orang menghargai kerja keras, yang penting adalah hasilnya. Dalam tempoh 3 hari akan datang, kami akan terus melakukan yang terbaik untuk memberikan hasil yang baik untuk rakyat.

Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan PBAPP dan kontraktor kerana menyiapkan semua kerja yang dirancang di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua dan 22 lokasi lain, lebih awal daripada jangkaan.

Terima kasih kepada mereka, PBAPP memulakan Tahap 1 pelan pemulihan bekalan air lebih awal daripada jadual, mulai jam 11.00 malam tadi. Harap maklum bahawa Tahap 1 masih diteruskan dan dijadualkan siap pada jam 6.00 pagi esok (12.1.2024).

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my